

01 NOV 1996

G15-Harun

GARIS PANDUAN UNTUK PASTIKAN PROJEK DAPAT DILAKSANAKAN

Oleh: Kuah Guan Oo

HARARE, 1 Nov (Bernama) -- Para pegawai kanan kumpulan 15 negara membangun (G-15) semalam mengadakan mesyuarat penilaian diri dan mengeluarkan garis panduan mengenai projek-projek yang dicadangkan bagi pertubuhan itu untuk melibatkan lebih banyak kerjasama ekonomi di kalangan mereka dan negara-negara Dunia Ketiga lain.

Ketua perwakilan Malaysia ke mesyuarat wakil-wakil peribadi G-15, Duta Harun Siraj berkata mereka banyak membuat penilain diri dan mengeluarkan satu garis panduan bagi memastikan projek-projek yang dicadangkan bagi pertubuhan berusia tujuh tahun itu dapat dilaksanakan.

Semasa memberikan taklimat kepada wartawan Malaysia selepas mesyuarat yang bermula Rabu itu, beliau berkata kriteria itu berdasarkan kepada halatuju dan keperluan G-15 dan menambah kata Malaysia berpuas hati pertubuhan itu tidak lagi menjadi tempat cakap-cakap kosong.

Sebanyak 21 projek telah disenaraikan bagi pertubuhan itu, sesetengahnya telahpun dilaksanakan, sesetengahnya belum lagi bermula dan yang lainnya tiada mendapat sokongan dan minat daripada negara-negara anggota.

Antara projek-projek itu ialah kerjasama dalam perancangan, pelaksanaan dan pengurusan petroleum, gas dan projek-projek petroleum, pusat galakan tenaga diperbaharui Selatan-Selatan, pemindahan teknologi dan pembangunan, forum pelaburan perniagaan, kerjasama dalam pengeluaran makanan, skim pertumbuhan berdikari, pendudukan dan perancangan, bank baka bagi perubatan dan tumbuhan wangian dan pusat latihan komputer.

Projek-projek yang akan dilaksanakan Malaysia ialah Pusat Pertukaran Data Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi Selatan (Sittdec), Peraturan Pembayaran Dua Hala/Peraturan Pembayaran Pelbagai Hala (BPA/MPA) dan Pusat Kecemerlangan Pendidikan.

Harun berkata penilaian diri itu dibuat berdasarkan kertas kerja yang disediakan oleh Kemudahan Sokongan Teknikal (TSF) kumpulan itu.

TSF dijadikan sebagai "sekretariat" pertubuhan itu dan akan meneruskan fungsi sokongan yang lain walaupun telah ditubuhkan sekretariat tetap G-15 di Geneva baru-baru ini.

Beliau berkata kewangan merupakan halangan terbesar yang dihadapi oleh projek-projek G-15 diikuti oleh minat dan sokongan daripada negara-negara anggota lain.

Bagaimanapun mereka setuju jika hanya dua buah negara mahu meneruskan projek tersebut, mereka boleh meneruskannya.

Contohnya, BPA membabitkan hanya dua buah negara dan Malaysia sehingga ini telah menandatangani perjanjian BPA dengan 25 negara.

Harun berkata beliau berharap dengan adanya garis panduan itu, negara-negara anggota dapat membatalkan projek mereka yang tidak dilaksanakan.

Katanya, mesyuarat wakil-wakil peribadi, sebuah kumpulan pemikir, juga menyiapkan agenda bagi mesyuarat Menteri-menteri Luar petang ini serta deraf pernyataan bersama sidang kemuncak itu.

Mereka telah menyemak semula semua aktiviti dan tugas-tugas pertubuhan dan beliau gembira mereka telah meletakkan asas dan halatuju bagi G-15.

Beliau berpuas hati terutamanya mengenai laporan-laporan daripada Forum Pelaburan Perniagaan (mengandungi ahli-ahli perniagaan kumpulan itu) dan Jawatankuasa Pelaburan, Perdagangan dan Teknologi (CITT).

Beliau berkata G-15 tidak mahu isu-isu baru ditimbulkan di mesyuarat

peringkat menteri Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) di Singapura bulan depan.

Sebaliknya, mereka mahu kesemua perjanjian perdagangan yang dicapai di bawah Pusingan Uruguay dilaksanakan dalam tempoh dua tahun sehingga mesyuarat peringkat menteri WTO.

"Kita ada masa dua tahun untuk mengetahui sejauh mana perjanjian perdagangan tersebut berjalan," katanya.

Harun berkata dalam mesyuarat mereka hari ini, menteri-menteri luar tersebut antara lain akan membincangkan secara mendalam bagaimana kumpulan itu dapat bertindak sebagai pemangkin untuk menggerakkan kerjasama ekonomi, perdagangan dan pelaburan di kalangan negara-negara membangun.

Sementara itu lapan ketua negara dan kerajaan telah mengesahkan kehadiran mereka di sidang kemuncak G-15 yang bermula Ahad ini.

Wakil peribadi Presiden Zimbabwe, Duta Tichaona Jokonya semalam berkata para pemimpin berkenaan akan mula tiba di sini esok.

Wakil peribadi Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, duta Harun Siraj semasa ditanya semalam berkata mereka telah diberitahu oleh tuan rumah bahawa sidang kemuncak kali ini cukup kuorum.

Dr Mahathir dijadualkan tiba petang esok.-- BERNAMA

KGO OBA